

RENCANA

Cabaran urus taman laut

Mohd Fazli pikul tanggungjawab penguatkuasaan, pemuliharaan, didik masyarakat

MUHAMMAD SALLEH

KUALA ROMPIN

Tanggungjawab menyelia pasukan bagi penguatkuasaan, pemuliharaan dan pendidikan berkaitan kawasan taman laut bukanlah suatu tugas yang mudah.

Lebih besar cabarannya apabila perlu berhadapan dengan ragam masyarakat yang terdiri daripada penduduk pulau, pelancong tempatan dan asing namun dalam masa sama perlu memastikan biodiversiti marin terpelihara.

Bagi Pengarah Jabatan Taman Laut Malaysia (JTLM) Pahang, Mohd Fazli Long, 41, ia perlu ditangani dengan bijak supaya kerja pemuliharaan berjaya dalam masa sama memberi memberi impak kepada industri pelancongan.

Berasal dari Kesom, Kuala Terengganu, beliau merupakan Graduan Bachelor Sains Samudera dari Universiti Putra Malaysia (UPM) Terengganu memulakan kerjayanya sebagai Pegawai Taman Laut Bahagian Penguatkuasaan di ibu pejabat JTLM, Putrajaya pada 2006.

Selepas dua tahun

berkhidmat, beliau diberi kepercayaan sekali gus dilantik sebagai Pengarah JTLM Wilayah Persekutuan Labuan pada 2011 di mana ketika itu ia baru mula bertapak di sana.

Menurutnya, cabaran bertugas di sana adalah berhadapan dengan penduduk yang masih mahu menjalankan aktiviti mencari ikan di kawasan yang telah diwartakan selain pulau yang masih kosong kerana tiada tapak untuk beroperasi.

"Saya di sana hingga 2014, dalam tempoh itu apa yang saya lakukan adalah

banyak mengadakan dialog kesedaran dengan penduduk supaya mereka dapat terima peraturan dan dasar ditetapkan JTLM.

"Kejayaan besar bagi saya ketika di sana berjaya melaksanakan projek pusat penetasan pernyu di Pulau Rusukan dengan

kerjasama Petronas Carigali yang masih beroperasi hingga kini," katanya yang merupakan anak sulung daripada tiga beradik.

Pengalaman sewaktu di Labuan kemudiannya diaplikasikan di Pahang selepas ditukarkan menerajui JTLM Pahang pada awal 2014 sekali gus bertanggungjawab menyelia kawasan Taman Laut Pulau Tioman.



Mohd Fazli turut minat dengan aktiviti selam skuba sekali gus menjadikan beliau amat dekat dengan biodiversiti marin di kawasan taman laut.



Sentiasa memastikan peralatan menyelam sentiasa dalam keadaan baik mengelak sebarang masalah ketika berada di dasar laut.

usaha yang dilakukan berjaya, beliau merancang meluaskan kerjasama dengan agensi-agensi terlibat, para penyelidik universiti tempatan dan membina hubungan rapat badan pelancongan.

Selain menjalankan penguatkuasaan, antara fokus penting dalam memastikan biodiversiti terpelihara adalah melaksanakan pemantauan ke atas pelancong supaya aktiviti di air yang mereka lakukan tidak merosakkan biodiversiti marin di samping kempen pendidikan dan kesedaran.

Apabila terlibat dalam kerjaya marin, kemahiran menyelam sudah tentu menjadi satu keperluan dan beliau telah mengambil lesen sewaktu di universiti sekali gus tidak menjadi masalah baginya untuk menyelam pada waktu perlu memantau atau menyelidik di dasar laut.



Turut sama menyelam bagi memantau keadaan terumbu karang di taman laut Pulau Tioman.

profil

- Asal: Kesom, Kuala Terengganu
- Bilangan adik beradik: Anak sulung daripada tiga beradik

Latar belakang pendidikan

- Sekolah Kebangsaan Kesom, Kuala Terengganu
- Sekolah Menengah Sultan Sulaiman, Kuala Terengganu
- Universiti Pertanian Malaysia (UPM), Serdang (Diploma Kesihatan Haiwan dan Penternakan)
- UPM Terengganu (Bachelor Sains Samudera / Marine Science)

Disebalik kemahiran dan pengalamannya berada di dasar laut itu, kejadian yang tidak dapat dilupakannya hingga kini apabila komponen tangki udara tidak berfungsi ketika berada di kedalaman 32 meter.

"Bagi penyelam, ketika mereka melakukan aktiviti menyelam ia ibarat separuh nyawa tinggal di permukaan manakala separuh lagi dalam tangki udara dan sebab itu kita memang perlu mahir untuk melakukan aktiviti ini.

"Ketika saya berhadapan dengan situasi komponen tangki udara gagal berfungsi pada kedalaman 32 meter itu, nasib baik saya tak panik dan segera mengurangkan kedalaman menyebabkan ia berfungsi kembali. Setelah disiasat, puncanya komponen itu gagal berfungsi kerana terlebih dalam," katanya.



Mohd Fazli (kiri) bersama kakitangannya ketika menjalankan uji lari terhadap drone yang bakal digunakan memantau dari udara kawasan taman laut Pulau Tioman.